



KENYATAAN MEDIA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KHAS DEWAN RAKYAT

Dimaklumkan bahawa saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Haji Md Yasin pada hari ini bahawa bagi **faedah orang ramai adalah mustahak** untuk diadakan satu **Mesyuarat Khas** sebelum tarikh mesyuarat akan datang yang telah ditetapkan mengikut **Peraturan 11(3)** Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Bagi tujuan tersebut, saya juga telah dimaklumkan bahawa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi perkenan untuk YAB Perdana Menteri mengadakan mesyuarat tersebut walaupun Proklamasi Darurat bertarikh 11 Januari 2021 masih berkuat kuasa.

Sehubungan itu, Setiausaha Dewan Rakyat, YBrs. Dr. Nizam Mydin Bacha Mydin akan menyusul dengan mengeluarkan **Pemberitahuan Mesyuarat Khas** tersebut kepada semua Ahli-Ahli Dewan Rakyat pada hari ini yang memaklumkan Dewan Rakyat akan bersidang selama **lima (5) hari** pada **Isnin, 26 Julai 2021** hingga **Khamis, 29 Julai 2021** dan **Isnin, 2 Ogos 2021** mulai jam **10.00 pagi**.

Bagi maksud persiapan Mesyuarat Khas Dewan Rakyat ini berlangsung dalam keadaan selamat, perlu diperingatkan supaya semua Ahli Yang Berhormat hendaklah sentiasa **mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Persidangan Parliment** yang telah ditetapkan dengan mengambil kira pandangan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

15 Julai 2021
Parlimen Malaysia
KUALA LUMPUR